

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

RPK 531 - Teori & Falsafah Perancangan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT Soalan Sahaja. Soalan 1 adalah WAJIB.

1. Pengalaman di negara Barat menunjukkan bahawa perancangan bandar dan desa telah dipertanggungjawabkan kepada pihak kerajaan setelah dipengaruhi oleh keadaan-keadaan kesihatan awam dan perumahan.
 - a) Bolehkah unsur sejarah sedemikian disamakan dengan perkembangan perancangan bandar di Malaysia?

(20 markah)
 - b) Nilaikan kemajuan yang telah dicapai dalam bidang perancangan bandar untuk 'mempertahankan kepentingan awam'.

(20 markah)

(40 markah)
2. Pilih satu projek pembangunan yang telah diluluskan oleh majlis tempatan tertentu. Sila rumuskan falsafah yang telah mendorong projek tersebut.

(20 markah)
3. Betapa pentingkah kaedah 'hypothetico-deductive' dalam sistem dan amalan perancangan bandar?

(20 markah)

...2/-

4. Rang Undang-Undang Perancang Bandar akan dibentangkan dalam sidang perlimen tidak lama lagi. Nyatakan isu-isu utama dalam rang undang-undang itu dan bincangkan implikasinya terhadap proses dan sistem perancangan pembangunan.

(20 markah)

5. Satu perdebatan utama dalam teori dan falsafah perancangan bandar adalah tertumpu kepada tipologi baru teori-teori perancangan bandar. Dalam kes ini, bagaimana tiga (3) aliran-rupabentuk bandar, prosidural dan analitikal (urban form, procedural & analytical) boleh menolong merapatkan jurang dalam konflik pemikiran falsafah perancangan kini?

(20 markah)

6. Politik merupakan pengaruh besar dalam proses membuat-keputusan dalam perkara-perkara kegunaan tanah. Nilaikan kebaikan dan keburukan keadaan sedemikian yang wujud dalam perancangan bandar?

(20 markah)